

Muhyiddin doa PM galas tugas sebaik mungkin

BH - 22/8/2021
mlk: 5



Ismail Sabri (kiri) meluangkan masa melawat Muhyiddin di kediamannya di Damansara. (Foto FB Muhyiddin Yassin)

Bekas Perdana Menteri beri sokongan penuh, bantu khidmat kepada rakyat

dana Menteri dan memberi sokongan penuh kepadanya, InsyaAllah akan terus membantu kerajaan PN menyampaikan khidmat terbaik kepada rakyat, khususnya dalam tempoh pemulihan negara,” katanya melalui laman Facebooknya, semalam.

Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU memaklumkan, menerima kunjungan Ismail Sabri di kediamannya di Bukit Damansara, di sini, dan turut berkongsi gambar kunjungannya itu.

Sementara itu, Pengerusi Barisan Nasional (BN) yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kerajaan baharu pimpinan Ismail Sabri diminta memfokuskan kepada usaha memerangi pandemik COVID-19 dengan segera demi kemaslahatan rakyat dan negara.

Katanya, rakyat dan negara kini amat terkesan akibat krisis dan ancaman COVID-19.

“Kini masa untuk semua pihak berlapang dada dan berjiwa besar memandang ke hadapan demi rakyat dan negara.

“Inti pati titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa

Billah Shah Abdullah wajarlah dihayati,” katanya dalam kenyataan menerusi Facebook, semalam.

Ahmad Zahid berkata, Seri Paduka juga sebelum ini menitahkan harapannya supaya semua Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang menyetujui agenda politik masing-masing.

“Justeru, baginda meminta rakyat tidak lagi dibebani dengan kemelut politik. Inti pati titah baginda ini jelas menunjukkan Yang di-Pertuan Agong prihatin dengan realiti keadaan negara selama ini. Jadi, sebagai rakyat, sewajarnya semua pihak menyahut seruan demi kebaikan berkenaan,” katanya.

UMNO dan BN kembali menerajui kerajaan selepas Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera serta Naib Presiden UMNO, mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri kesembilan di hadapan Al-Sultan Abdullah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah di Istana Negara pada jam 2.28 petang se-

malam.

Beliau menggantikan Muhyiddin yang meletakkan jawatan pada 16 Ogos lalu selepas kehilangan sokongan majoriti Ahli Parlimen.

Setiausaha Agung Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Hamzah Zainudin, pula berkata pihaknya yakin pelantikan Ismail Sabri dapat memastikan kesinambungan dasar, perancangan dan iltizam kerajaan PN terutama bagi memulihkan negara daripada impak COVID-19 dengan segera.

Beliau berkata, semua Ahli Parlimen PN membabitkan BERSATU, PAS dan Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) akan terus berdiri teguh menyokong kepimpinan Ismail Sabri.

“PN menjunjung kasih atas perkenan Al-Sultan Abdullah melantik Ismail Sabri sebagai Perdana Malaysia kesembilan seperti diperuntukkan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan,” katanya dalam kenyataan dilapor Bernama, semalam.

Naib Presiden Parti Pesaka

Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata semua parti politik harus menyetujui perbezaan politik dan bekerjasama dengan Ismail Sabri menyelesaikan masalah pandemik COVID-19.

Beliau berkata, langkah itu perlu untuk kemajuan negara dan rakyat susulan situasi pandemik COVID-19 semakin membimbangkan sekarang.

“Ismail Sabri memikul tanggungjawab besar menyelesaikan masalah pandemik COVID-19. Kita perlu bekerjasama dengan beliau ke arah matlamat sama iaitu memulihkan negara ini,” katanya di sini, semalam.

Ketua Wanita Gabungan Parti Sarawak (GPS), Datuk Seri Fatimah Abdullah juga yakin Ismail Sabri mampu menangani masalah pandemik dengan berkesan.

“Ketika negara masih berdepan pandemik COVID-19, saya berharap beliau akan meneruskan dasar baik dimulakan Muhyiddin dalam menangani pandemik ini,” katanya.

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi,
Mohd Roji Kawi dan Zanariah
Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mendoakan penggantinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yakob, dapat menggalas amanah kepemimpinan sebaik mungkin dan mengemudi negara ke mercu kejayaan.

Muhyiddin berkata, beliau memberi sokongan penuh kepada Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri kesembilan dan akan terus membantu kerajaan Perikatan Nasional (PN) berkhidmat kepada rakyat.

“Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau atas pelantikannya sebagai Per-